			Kelas G1-Bekalan Elektrik **Kelas G3-**Bekalan Air **Kelas G4-**Pengairan dan Perparitan	▪ Infrastruktur yang diperlukan untuk kemudahan perkampungan Orang Asli sahaja. ▪ Infrastruktur yang dibenar ialah: – Laluan Rentis – Takat Pengambilan Air, termasuk pengambilan air bawah tanah bagi tujuan domestik dan pertanian secara terkawal ▪ Lain-lain yang memenuhi syarat agensi/jabatan teknikal		
	Badan air **Kelas J1 -** Badan Air Semulajadi	***Badan air*** **Kelas J1-**Badan Air Semulajadi	**Kelas J2-**Badan Air Buatan	▪ Hanya untuk tujuan mitigasi kejuruteraan untuk pengukuhan tebingan sungai dan pencegahan risiko bencana sahaja. ▪ Kawasan berhutan di pinggiran sungai dan anak-anak sungai dikekalkan pada keadaan semulajadi bagi membentuk zon riparian dan melengkapkan rangkaian ekologi CFS dan Koridor Hidupan Liar.		



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019



Rajah 1.55
BPK 11.4 : Persisiran Pantai Mukim Bebar (3 Batu Nautika)

Petunjuk :

Badan Air

Lain-lain :

Sempadan Daerah
Sempadan Blok Perancangan (BP)
Sempadan Blok Perancangan Kecil (BPK)
Jalan Persekutuan
Jalan Negeri
Jalan Tempatan
Cadangan Jalan Persekutuan
Cadangan Jalan Negeri
Cadangan Jalan Tempatan

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Majlis Daerah Pekan

Jadual 1.55 : Kelas Kegunaan Tanah Blok Perancangan Kecil 11.4 – Persisiran Pantai Mukim Bebar (3 Batu Nautika)

Kolum I	Kolum II	Kolum III	Kolum IV		Kolum V	Catatan
BPK	**Guna tanah utama**	**Aktiviti dibenarkan**	**Aktiviti dibenarkan dengan syarat**		**Aktiviti tidak dibenarkan**	
			Aktiviti	**Syarat**		
BPK 11.4 Persisiran Pantai Mukim Bebar (3 batu nautika)	***Laut*** **Kelas K1 -** Laut/Pantai Semulajadi	***Laut*** **Kelas K1 -** Laut/Pantai Semulajadi Pantai Berpasir	▪ Perikanan ▪ Perikanan Rekreasi ▪ Sukan air dan Pelancongan	▪ Mematuhi had daya tampung dan aktiiviti yang dibenarkan. ▪ Mengambil langkah-langkah pengawalan pencemaran air.	Semua aktiviti kecuali dinyatakan di dalam Kolum II, III dan IV termasuk yang tersenarai berikut : **Kelas C1 -** Industri Berat (Kategori 1) - Membina dan membaiki kapal, Limbungan kapal / *Shipyard* **Kelas C 2 -** Industri Berat Kategori 2 – *Oil and gas "Supply base and Marine Services",* Pusat Fabrikasi dan Pelantar Minyak dan Gas (LNG) **Kelas F2 -** Pengangkutan Air - Pelabuhan Laut , Stesen Pemindahan Kargo, **Kelas G2 -** Loji Janakuasa **Kelas G5 -** Bekalan Gas / Petroleum **Kelas C6 -** Perlombongan Semua aktiviti pembangunan tepubina tidak dibenarkan Lain-lain aktiviti yang boleh menimbulkan kacau ganggu sosial dan alam sekitar.	▪ Tertakluk kepada semua bentuk kawalan garis panduan perairan oleh agensi berkaitan. ▪ Semua projek pembangunan yang tersenarai di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 Jadual 1 dan 2 perlu mendapatkan kelulusan Laporan EIA sebelum dilaksanakan. ▪ Mematuhi garispanduan JPS 1/97 dan garispanduan Kajian *National Coastal Erosion Study 2015* (NCES). ▪ Semua projek pembangunan yang tersenarai di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 Jadual 1 dan 2 perlu mendapatkan kelulusan Laporan EIA sebelum dilaksanakan. ▪ Semua projek pembangunan yang tersenarai dalam Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2, berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), pindaan 2017 (Akta A1522).
		Sistem Pengangkutan **Kelas F2 -** Pengangkutan Air	▪ Marina ▪ Terminal feri/bot ▪ Jeti Nelayan /Perikanan Rekreasi	▪ Tiada penambakan laut dan hanya untuk aktiviti perikanan dan pelancongan sahaja tertakluk kepada kelulusan kebenaran merancang dan kelulusan PBN.		
		Pertanian **Kelas H3 -** Perikanan (Akuakultur)	▪ Perikanan Laut ▪ Karangan ▪ Akuakultur Marina (tukun dan kelong)	▪ Kawalan aktiviti perikanan dan perikanan rekreasi dengan pengeluaran secara tidak mampan tidak dibenarkan tertakluk kepada kawalan agensi berkaitan.		

2.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

2.1 PENGENALAN

Garis Panduan Perancangan Khusus (GPK) adalah satu bentuk kenyataan bertulis yang mengandungi panduan yang menjadi rujukan dalam memajukan pembangunan bagi sesuatu kawasan khusus di Daerah Pekan. Ianya digunakan oleh Majlis Daerah Pekan (MDP) dan agensi berkaitan untuk mengawal pembangunan agar bersifat seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah. Semua perubahan matan ke atas tanah yang di rancangkan tertakluk kepada permohonan kebenaran merancang dan mematuhi Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian).

2.1.1 TUJUAN GARIS PANDUAN KHUSUS (GPK)

Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan komprehensif yang disediakan ini adalah untuk memudahkan tatacara mengangkat permohonan pemajuan dan panduan pemaju perunding dan orang awam melalui garis panduan yang seragam bagi menjalankan pemajuan tanah dan bangunan. Garis panduan-garis panduan yang disediakan adalah seperti di **Jadual 2.1**

Jadual 2.1 : Garis Panduan - garis panduan Khusus RTD Pekan 2035 (Penggantian) dan Tujuan

Bil.	Garispanduan Khusus	Tujuan	Kawasan Terlibat
1	Garis Panduan Khusus Reka Bentuk Bandar dan Warisan	Kawalan Imej Bandar dan Warisan	Bandar Pekan dan keseluruhan Daerah Pekan
2	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	Kawalan Imej Bandar dan Landskap	Bandar Pekan dan keseluruhan Daerah Pekan
3	Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir	Kawalan kawasan berisiko bencana banjir	Kawasan Persisiran Sungai dan Pantai
4	Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Pantai	Kawalan kawasan berisiko bencana pantai	Kawasan Persisiran Sungai dan Pantai

2.2 GARIS PANDUAN KHUSUS REKA BENTUK BANDAR DAN WARISAN

Garispanduan Khusus Rekabentuk Bandar dan Warisan ini merupakan garispanduan yang disediakan bagi Bandar Diraja Pekan. Garis panduan ini dibuat dengan objektif untuk mewujudkan reka bentuk bandar yang menggabungkan pembangunan dan pemuliharaan bangunan warisan secara seimbang. Ia merangkumi beberapa faktor pertimbangan dan garispanduan khusus lain seperti berikut :

1. Tafsiran, Kaedah dan Faktor Nilai Keunggulan Warisan Bandar Pekan dalam Warisan Budaya dan Diraja
2. Kawasan Kawalan Imej dan Reka Bentuk Bandar Lama Pekan (Zon Teras dan Penampan)
3. Garis Panduan Imej Kawasan Sekitar Istana Pekan (Zon Diraja)
4. Garis Panduan Papan Tanda, Papan Iklan dan Pencahayaan

Kawalan perancangan menekankan dua aspek penting iaitu penggunaan bangunan dan penggunaan tanah. Aspek ini perlu penyelarasan oleh Majlis Daerah Pekan (MDP) untuk setiap kawasan pembangunan terutama bagi kerja pemuliharaan. Kerja –kerja pengubahsuaian dan penambahan bangunan perlu mendapatkan Kebenaran Merancang terlebih dahulu dari Majlis Daerah Pekan. Bagi memahami aspek Pembaharuan Semula Bandar yang melibatkan tindakan-tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan, tafsiran berkaitan dengan elemen warisan menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah seperti di **Jadual 2.2** berikut :

Jadual 2.2 : Terma Pemuliharaan dan Tafsiran Oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005

Terma	Tafsiran
Warisan	Generik warisan kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar Warisan Kebangsaan; disenggarakan di bawah Seksyen 23, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].
Kawasan Warisan	Termasuk kerja manusia atau gabungan kerja alam dan manusia, dan kawasan yang termasuk tapak zaman purba yang mepunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, estetik, etnologi atau antropologi.
Bangunan Warisan:	Suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.
Monumen Warisan	Kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur daripada jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri, yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Sumber: Akta Warisan Kebangsaan 2005

Terdapat enam (6) kaedah-kaedah pemuliharaan yang terlibat dan tafsiran berkaitan dengai adalah seperti di **Jadual 2.3** berikut.

Jadual 2.3 : Kaedah-Kaedah Pemuliharaan

Kaedah	Takrifan
Pemeliharaan (*Preservation*)	Memberhentikan kemerosotan lanjut dengan mengekalkan keadaan sedia ada mana-mana bangunan, fabrik dan semua elemen dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan berkala untuk menjadikan sesuatu struktur itu selamat, boleh didiami dan berguna tanpa memudaratkan rupa fabrik dan sejarahnya.
Pembaikpulihan (*Restoration*)	Kerja-kerja membina semula dan mengembalikan rupa asal dengan menggunakan bahan binaan, teknik binaan dan kemasan yang sama seperti asal yang dilakukan dengan berasaskan kepada rujukan, dokumentasi, kajian dan ujian yang lengkap.
Pemulihan (*Rehabilitation*)	Proses mengembalikan sesuatu bangunan kepada keadaan yang berguna melalui pembaikan atau pengubahan yang memungkinkan penggunaan yang efisien sambil memelihara seni bina sejarahnya.
Kegunaan yang sepadan (*Adaptive Re-use)*	Penyesuaian bangunan dengan menukar kepada kegunaan baru yang hampir sama/ kontemporari yang sepadan dengan konteks bangunan dan persekitaran tanpa menukar atau membuat pindaan kepada bangunan atau hanya melibatkan pindaan yang minimum pada bangunan sedia ada.
Pembinaan semula (*Resconstruction*)	Proses menghasilkan semula secara tepat melalui satu pembinaan baru, rupa bentuk, dan perincian struktur yang telah hilang termasuk sebahagian atau keseluruhan.
Pembangunan semula (*redevelopment*)	Berasaskan kepada garis panduan, kaedah pembangunan dan kawalan ketinggian boleh dibenarkan bagi memastikan fabrik asal dan persekitaran warisan sedia ada terpelihara.

Kriteria keunggulan Warisan Negeri Pahang yang diketengahkan untuk mengukuhkan pemeliharaan warisan budaya di sini adalah:

Kriteria Keunggulan Warisan Pekan Bandar Diraja

Bandar Diraja Pekan mempamerkan pengaruh warisan pusat pemerintahan Negeri Pahang, bandar lama warisan rumah kedai dan bandar kesultanan yang hidup sehingga ke hari ini.


2.2.1 KAWASAN KAWALAN IMEJ DAN REKA BENTUK BANDAR

Kawasan kawalan reka bentuk bandar melibatkan tiga blok perancangan kecil iaitu BPK 1.1 (Bandar Lama Pekan), BPK 1.3 (Kawasan Pembangunan Pulau Beram - Pulau Bugis) dan BPK 1.4 (Kawasan Istana – Padang Polo). Rujuk **Jadual 2.4** dan **Rajah 2.1** untuk perincian imej yang diketengahkan bagi setiap kawasan dan kawalan nisbah plot dan ketinggian.

Jadual 2.4: Kawasan Kawalan Imej dan Reka Bentuk Bandar

BPK	Nama	Imej	Kawalan
1.1	Bandar Lama Pekan	Warisan rumah kedai lama	Nisbah plot 1:2 bangunan warisan sedia ada 2 tingkat penambahan di bahagian belakang tiga ke lima tingkat (tertakluk kepada lokasi)
1.3	Kawasan Pembangunan Pulau Beram - Pulau Bugis	Bandar moden kontemporari	Nisbah plot 1:2 sehingga 1:4 kawalan kawasan lapang ruang awam dan esplanade pinggiran sungai
1.4	Kawasan Istana – Padang Polo	Diraja	Kawalan ketinggian bangunan kurang 3 tingkat di kawasan kurang 500 meter sekitar Istana Abu Bakar dan 4 tingkat di kawasan 500- 1 km dari sempadan Istana

Rajah 2.1 : Kawasan Kawalan Reka Bentuk Bandar



2.2.1.1 KAWALAN ZON BANDAR LAMA PEKAN - ZON TERAS WARISAN BANDAR

Kawasan Terlibat :

Zon Teras Warisan Bandar Lama Pekan merupakan kawasan permulaan pembangunan bandar ini, dengan ciri-ciri seni bina rumah kedai lama 1950an dan kawasan Muzium Sultan Abu Bakar dan Muzium Masjid Sultan Abdullah. Kawasan bandar awal berhadapan sungai menghadap jalan Sultan Ahmad (dari Jalan Sultan Abdullah ke Jalan Sultan Mahmud).

Dua bentuk garispanduan terpakai di kawasan ini iaitu :

1. Garispanduan Bangunan Sesebuah Warisan/ Monumen
2. Garispanduan Pemeliharaan Rumah Kedai.

Garispanduan Bangunan Sesebuah Warisan / Monumen

Pemuliharaan berterusan dan pewartaan kepada semua bangunan warisan / tapak sejarah, istana (bangunan dan/atau tapak) , muzium, tugu / monumen, makam / kompleks makam dengan keutamaan khusus kepada:

- Istana Mangga Tunggal (BP 1 Pekan)
- Istana Leban Tunggal (BP 1 Pekan)
- Balai Polis Lama Pekan (BP 1 Pekan)
- Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat (BP 1 Pekan)

2.2.2.2 ZON PENAMPAN BANDAR

B1. Bandar Lama Pekan disambung dengan bahagian bandar yang dibina selepas 1960an di sebelah dalam menjauhi dari Sungai Pahang.

Kawasan ini lebih moden namun masih mengekalkan latar langit yang hampir sama dengan zon teras. Rekabentuk bangunan gaya senibina rumah kedai di zon ini digantikan dengan bangunan gaya senibina >1970 an. Kawasan ini membentuk kawasan bandar yang lebih aktif dengan lebih banyak bangunan beroperasi berbanding di Zon Teras. Pembangunan di sini perlu dikawal supaya tidak menjejaskan persekitaran Zon Teras khususnya dari aspek latarlangit.

B2. Kawasan Pembangunan Baru Di Pulau Beram, Pulau Bugis Dan Pulau Enjin

Pada masa kini merupakan kawasan tanah kosong.

2.2.2.3 ZON DIRAJA BANDAR PEKAN

Zon Diraja Bandar Pekan melibatkan kawasan BPK 1.4 : Kawasan Istana – Padang Polo dan kawasan sekitar. Kawalan pembangunan di sekitar Istana Abu Bakar, Istana Leban Tunggal dan Istana Mangga Tunggal perlu dilaksanakan bagi memastikan pembangunan sekitar tidak menimbulkan konflik guna tanah kepada aktiviti istana dan melindungi pemandangan dari kawasan Istana. Satu garis panduan khusus disediakan sebagai rujukan utama kepada MDP dalam melayan dan mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang bagi permohonan yang terletak dalam lingkungan 1 kilometer dari sempadan Istana Abu Bakar. Semua pembangunan pada jarak 200m dari sempadan istana/bangunan warisan perlu mengemukakan *Heritage Impact Assessment (*HIA) kepada MDP selaras dengan keperluan Jabatan Warisan Negara / Akta Warisan Kebangsaan 2005. Rujuk **Rajah 2.2**.


Kawalan yang terlibat bagi zon ini ialah :

1. Memastikan pembangunan guna tanah yang terkawal dalam kawasan Zon Kawalan Istana;
2. Memastikan jenis kegunaan tanah yang dibenarkan tidak menimbulkan konflik dengan pembangunan Istana;
3. Kepadatan rendah iaitu maksima 40 unit per hektar
4. Mewujudkan sistem laluan trafik dan lalu lintas yang tidak mengganggu kawasan Istana.
5. Memastikan ketinggian bangunan baru yang didirikan tidak melindungi pemandangan keluar dan masuk dari istana;
6. Mengekalkan skyline di kawasan istana dan tidak menghalang pemandangan keluar dan masuk dari kawasan istana
7. Juga terpakai bagi mana-mana permohonan tambahan tingkat dan pindaan bangunan sedia ada
8. Jalan Protokol meliputi jalan utama bermula dari persimpangan Jalan Sri Terentang dan seterusnya Jalan Istana Abu Bakar, sehingga ke Padang Polo.
9. Pembangunan baru di sepanjang Jalan Protokol perlu menerapkan unsur reka bentuk dan fasad bangunan yang sesuai dengan persekitaran Diraja selain diperindahkan dengan landskap dan lampu hiasan dengan imej Diraja
10. Ketinggian maksima yang dibenarkan untuk sebarang struktur binaan atau bangunan tertakluk kepada jarak dari sempadan Istana Abu Bakar seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5 : Kawalan Ketinggian Zon Diraja dan Sekitar

Bil.	Jarak dari sempadan Istana Abu Bakar	Ketinggian (tingkat)
1.	Kurang 500 meter	3
2.	500 meter -1km	4
3.	Lebih 1 kilometer	Tertakluk kepada plot ratio yang dibenarkan

Rajah 2.2 : Zon Diraja Bandar Pekan



2.3 GARIS PANDUAN KHUSUS LANDSKAP DAN REKREASI

Tujuan garis panduan ini melibatkan keperluan penyediaan kemudahan landskap, kawasan lapang dan rekreasi bagi semua jenis pembangunan dalam kawasan RTD Pekan 2035 (Penggantian). Ini adalah bagi memastikan penyediaan kemudahan taman rekreasi dan kawasan lapang serta landskap persekitarannya memenuhi prinsip-prinsip perancangan kejiranan dan pelengkap kepada sesuatu pembangunan serta mencukupi sehingga tahun 2035.


Memandangkan Pekan adalah sebuah Bandar Diraja, maka perhatian dan penelitian terhadap aspek Kesultanan dan Raja di dalam penyediaan landskap, kawasan lapang dan rekreasi amat penting supaya ciri-ciri/karektor Bandar Diraja dapat diwujudkan dan memberikan identiti tersendiri untuk bandar ini.

Jadual dibawah merupakan garis panduan am untuk Bandar Diraja Pekan yang mana secara dasarnya digunakan sebagai rujukan dan digunapakai bagi mengekal dan memulihara bangunan warisan dan persekitaran landskap yang sesuai. Penggunaan bunga maskot Pekan Iaitu pokok *Michelia champaka* (Pokok Cempaka kuning) dan bunga Pekan iaitu *Thunbergia fragrans* (*Whitelady*) spesis menjalar haruslah digunakan didalam setiap perlaksanaan dalam tempat atau persekitraan yang terkawal terutama sekali bila mencadangkan bunga Pekan.

Jadual 2.6 : Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Taman Diraja Pekan		
Justifikasi	1. Tujuan adalah bagi membolehkan orang ramai/pengunjung melihat dan merasai suasana Taman Diraja secara lebih dekat. 2. Memberikan penekanan kepada institusi kesultanan, keislaman dan kebudayaan melayu Pahang di dalam reka bentuk taman	   Karektor landskap dan aktiviti di Taman Diraja
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Mengemilangkan kembali adat istiadat, budaya dan pemakaian kesultanan melayu Pahang di dalam Taman Diraja. 2. Istana sebagai ikon dan lambang/jata rasmi negeri Pahang sebagai mercu tanda. 3. Papan tanda, perabot taman, lampu hiasan taman dan penataan keseluruhan bercirikan kehidupan taman dalam istana. 4. Pintu gerbang atau pintu masuk utama mestilah mencerminkan identiti Taman Diraja atau realisasi taman terlarang istana. 5. Menghidupkan Taman Diraja dengan perletakkan taman permainan kanak-kanak yang berbentuk interaktif dan diselang dengan permainan tradisional yang terdapat di Pahang. 6. Penggunaan landskap lembut: ▪ Tanaman hiasan yang dicadangkan haruslah sesuai dengan jenis tanah berpasir yang secara keseluruhannya terdapat di Daerah Pekan. Tanaman hiasan yang dicadangkan juga perlulah dari jenis tahan lasak (*hardy plants*). ▪ Harus mengekalkan pokok-pokok yang telah diwartakan. ▪ Pokok yang rending dan tekstur daun yang sederhana halus. ▪ Penggunaan pokok palma pada pintu masuk utama. ▪ Pokok renek dan penutup bumi berbunga kuning & putih serta tahan lasak (*hardy*) di haruskan sebagai lambang Diraja. ▪ Penggunaan pokok renek pagaran sebagai '*Maze*'.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Perabot taman mestilah mempunyai 75% ciri-ciri dan motif Diraja. Penggunaan lambang rasmi negeri Pahang amat digalakkan dengan penggunaan warna kuning Diraja & hitam. 2. Memperbagaikan kegunaan taman kepada umum dan pemakaian pakaian tradisional dan kemelayuan Pahang dan Diraja bagi kakitangan taman dimestikan. 3. Sekurang-kurangnya dua replika istana lama yang terdapat di Pekan dibina bagi membolehkan pengunjung melihat hiasan dalaman sebenar istana. Pembinaan model-model istana yang terdapat di seluruh Pahang juga digalakkan sebagai bahan pembelajaran dan kajian. 4. Perlu disediakan laluan air dan darat untuk sampai ke Taman Diraja dan ini merupakan sebagai salah satu daya tarikan promosi pakej pelancongan di Pekan dan Pahang umumnya. 5. Kriteria penanaman pokok dan penyediaan keperluan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 6. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Caesalpinia ferrea* – Leopard tree ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Michelia champaca* – Pokok Cempaka kuning ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Plumeria spp.* – Pokok Kemboja ▪ *Bucida molineti* – Pokok Doa ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Hibiscus rosa sinensis* – Bunga raya (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus (tutup bumi) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (tutup bumi)	

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Kawasan Istana		
Aspek	Bagi meningkatkan lagi karakter dan imej Bandar Diraja Pekan dan kawasan sekitarnya meliputi istana sedia ada, Jalan Padang Polo serta Jalan protokol sedia ada.	    Karektor formal di sekitar kawasan istana
Justifikasi	Dapat memberikan dan mempertingkatkan lagi imej institusi kesultanan, keislaman dan kebudayaan Bandar Pekan sebagai Bandar Diraja disamping mengekalkan warisan dan peninggalan bangunan-bangunan lama sedia ada.	
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Istana sebagai ikon dan lambang / jata rasmi Negeri Pahang sebagai mercu tanda. 2. Penggunaan motif spesis haiwan gajah yang menjadi lambang negeri Pahang perlu diterapkan di dalam reka bentuk landskap kejur. 3. Penyediaan ruang pejalan kaki/sikal perlu disediakan dengan lebih sistematik yang saling berhubung dengan tempat-tempat yang menjadi tarikan disekitar bandar Pekan dan kawasan istana serta taman-taman sedia ada dan yang dicadangkan. 4. Penyediaan pencahayaan yang lebih terang dan selamat di laluan utama dan laluan pejalan kaki/sikal dapat menarik minat pengunjung pada waktu malam. 5. Penggunaan turapan kemasan laluan pejalan kaki/sikal yang jelas dan selamat yang berbeza dengan laluan kenderaan amat penting bagi memberikan keselesaan dan keselamatan kepada kedua-dua pengguna jalanraya. 6. Cadangan landskap hanya tertumpu pada kawasan luaran istana dan tidak memasuki kawasan privasi dalaman istana. 7. Tanaman hiasan yang dicadangkan haruslah sesuai denga jenis tanah berpasir yang secara keseluruhannya terdapat di Daerah Pekan. Tanaman hiasan yang dicadangkan juga perlulah dari jenis tahan lasak (*hardy plants*). 8. Penggunaan perabot jalan seperti papan tanda dan ruang parker yang mencukupi pada lokasi yang sesuai perlu disediakan dengan sempurna dan terancang.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Memberikan penekanan reka bentuk kemasan Jalan Protokol sedia ada dengan penggunaan motif dan 75% ciri-ciri atau elemen-elemen Diraja supaya dapat meningkatkan lagi imej Bandar Diraja 2. '*Royal Boulevard'* menjadikan laluan masuk utama ke kawasan istana dengan tanaman pokok-pokok berbunga kuning dan pokok palma yang formal. 3. Pokok-pokok besar sedia ada yang telah atau didalam proses diwartakan harus dikekalkan seperti pokok Tembusu (*Fagraea fragrans)* dan pokok Angsana (*Pterocarpus indicus)* kerana ianya dapat memberikan '*sense of welcoming*' yang baik. 4. Penggunaan turapan kemasan jalan berbentuk batuan asli (*natural stone paving)* digalakkan bagi memberikan ciri-ciri klasik dan formal. 5. Kriteria penanaman pokok dan penyediaan keperluan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 6. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Plumeria spp.* – Pokok Kemboja ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Phoenix dactylifera* – Date palm ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Cordyline terminalis* – Jenjuang (renek) ▪ *Ixora coccinea* – Siantan (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus spp. (renek) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (renek)	

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi
Jalan-Jalan Utama/Lebuhraya	
Aspek	Bagi meningkatkan impak karakter dan imej Bandar Diraja Pekan dengan penggunaan elemen-elemen landskap kejur dan lembut terutama pada pintu-pintu masuk jalan utama dari daerah bersebelahan.
Justifikasi	Perancangan yang dapat mencerminkan identiti Pekan sebagai Bandar Diraja yang mana landskap sedia ada memerlukan penambahbaikan dengan penggunaan elemen-elemen Diraja yang mantap dan padat.
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Penggunaan istana sebagai ikon dan lambang/jata rasmi negeri Pahang sebagai konsep reka bentuk. 2. Penggunaan motif jata gading gajah dan tombak yang menjadi lambang negeri Pahang perlu diterapkan di dalam reka bentuk landskap kejur. 3. Penekanan lebih kepada jalan-jalan masuk utama dari daerah/negeri bersebelahan, persimpangan utama dan jalan-jalan utama ke pusat bandar dan dari pusat bandar. Jalan Pekan-Kuantan, Pekan ke Segamat, Muadzam Shah dan persimpangan ke Tasik Chini serta petempatan FELDA utama memerlukan perlandskapan yang baik terutama papan tanda yang jelas dan menarik. Perhatian juga perlu diberikan kepada pertempatan-pertempatan utama dan kecil. 4. Kombinasi penggunaan landskap kejur dan lembut perlu bagi menarik perhatian pengguna jalanraya. 5. Landskap pinggiran jalan adalah penting dan perlu bagi mewujudkan persekitaran jalan yang sempurna dan seragam bagi tujuan estetik, pandu arah, teduhan dan penghadang bunyi serta keselamatan. 6. Rizab penanaman pokok diatas rizab kiri dan kanan jalan mestilah tidak kurang dari 3 meter bagi membolehkan penanaman pokok dan perletakan utiliti bawah tanah yang sempurna dan mudah untuk diselenggarakan. Rizab haruslah mengikut kepada hierarki piawaian perancangan sedia ada. Jika terdapat pembahagi jalan diantara kedua-dua arah, rizab minimum sebanyak 2.5 meter diperlukan bagi tujuan perlandskapan mengikut kepada hierarki perancangan reka bentuk jalan. 7. Perletakkan laluan pejalan kaki/sikal digalakkan mengikut kesesuaian setempat dan keperluan semasa. 8. Penggunaan dan perletakkan kerb tepian jalan diharuskan terutama dikawasan-kawasan yang tinggi peratusan pejalan kaki dan basikal bagi tujuan keselamatan dan keselesaan kedua-dua pengguna jalan raya. 9. Tanaman hiasan yang dicadangkan haruslah sesuai denga jenis tanah berpasir yang secara keseluruhannya terdapat di Daerah Pekan. Tanaman hiasan yang dicadangkan juga perlulah dari jenis tahan lasak (hardy plants). 10. Menggunakan prinsip mampan dalam perancangan landskap yang meliputi fungsi, penyelenggaraan yang mudah, mesra alam, aspek keselamatan, kos yang sesuai dan jenis tanaman yang tahan lasak serta kesesuaian tanaman bagi jenis tanah berpasir yang terdapat di Pekan. Prinsip ini harus diserasikan dengan imej Bandar Diraja Pekan.
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Reka bentuk jalan masuk utama antara daerah dan papan tanda mestilah menunjukkan imej daerah Pekan sebagai Bandar Diraja. 2. Perletakkan penanaman pokok utama tepian jalan mestikan berkedudukan di hujung kiri dan kanan rizab jalan. Pokok yang rending dan dapat memberikan teduhan yang baik adalah digalakkan. 3. Penanaman pokok mestilah tidak menghadang penglihatan pemandu dan pejalan kaki/sikal terutama di persimpangan, persimpangan lampu isyarat, selekoh dan bulatan. 4. Penanaman pokok penghadang bunyi dan asap mestilah disediakan jika jalan-jalan utama/lebuhraya melalui kawasan perumahan yang jarak antara satu sama lain kurang dari 30 meter. Jika kedudukan kedua-duanya amat dekat maka penggunaan dinding landskap kejur perlu disediakan dan dihiasi dengan motif yang sesuai. 5. Penanaman pokok haruslah 1.5 meter dari kerb jalan. 6. Jarakkan penanaman pokok dari tiang-tiang lampu jalan atau tiang utiliti yang lain supaya memudahkan penyelenggaraan, mengurangkan kacau ganggu terhadap utiliti dan dapat mengurangkan pencahayaan yang tidak sekata disepanjang jalan serta dapat meningkatkan keselamatan pengguna jalanraya dan pejalan kaki. 7. Pemilihan bahan binaan landskap kejur haruslah dari jenis yang tahan lasak dan kurang penyelenggaraan. Warna kuning, hitam dan putih merupakan warna utama serta penggunaan batuan asli (*natual stone*) dan warna coklat asli (*earth colon*) digalakkan bagi memberikan imej yang menarik. 8. Digalakkan penanaman satu jenis spesis pokok sahaja berbunga kuning atau putih untuk setiap jajaran jalan kiri dan kanan serta spesis yang berbagai untuk jalan masuk utama, persimpangan utama dan bulatan. Spesis pokok haruslah yang tahan lasak dan memerlukan penyelenggaraan yang minimum. 9. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 10. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Peltophorum pterocarpum* – Batai laut ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma (kuning) ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Phoenix dactylifera* – Date palm ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Ixora coccinea* – Siantan (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus spp. (renek) ▪ *Ophiopogon spp.* – Ophiopogon spp. (tutup bumi)






Karektor landskap pinggiran lebuh raya dan jalan utama

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi
Kawasan Pusat Bandar, Perniagaan Dan Institusi	
Aspek	Bagi mengindahkan lagi kawasan-kawasan ini sebagai salah satu daya tarikan dan meningkatkan impak karakter dan imej Bandar Diraja Pekan dengan penggunaan elemen-elemen landskap kejur dan lembut. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa serta mampan bagi kegunaan umum baik untuk pejalan kaki mahupun kenderaan.
Justifikasi	Melaksanakan pendekatan bagi mewujudkankan rangkaian hijau secara pengamatan dan rasa dengan penataan Bandar Diraja yang menarik. Penambahbaikan kepada keadaan sedia ada dengan mengadakan perancangan keseluruhan baik untuk penduduk setempat maupun pelancong/pengunjung luar yang datang ke Daerah Pekan meliputi keselesaan pengguna jalanraya dan pejalan kaki/sikal secara keseluruhannya.
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Penggunaan istana sebagai ikon dan lambang/jata rasmi negeri Pahang sebagai konsep reka bentuk. 2. Penggunaan motif jata gading gajah dan tombak yang menjadi lambang negeri Pahang perlu diterapkan di dalam reka bentuk landskap kejur. 3. Tanaman hiasan yang dicadangkan haruslah sesuai dengan jenis tanah berpasir yang secara keseluruhannya terdapat di Daerah Pekan. Tanaman hiasan yang dicadangkan juga perlulah dari jenis tahan lasak (*hardy plants*). 4. Mewujudkan rangkaian laluan pejalan kaki/sikal yang selesa dan sistem papan tanda yang efisien. Minimum laluan pejalan kaki/sikal ialah 2 meter. 5. Penggunaan bahan hiasan kejur yang tahan lama dan lasak. Penutupan saliran/longkang sedia ada dan disediakan laluan pejalan kaki diatasnya perlu disediakan untuk kawasan-kawasan yang terhad atau kelebaran jalan yang kecil. 6. Penggunaan gerigi pokok (*tree grating)* disediakan bagi kawasan yang mempunyai peratusan pejalan kaki yang tinggi. 7. Penggunaan perabot jalan kejur yang dapat melambangkan Pekan sebagai Bandar Diraja perlu disediakan mengikut kepada kawasan tumpuan yang dirancangkan dan persimpangan tumpuan. Pencahayaan yang terang dan baik perlu disediakan sebagai daya tarikan pengunjung dan keselamatan. 8. Digalakkan tanaman dan pagar pemisah antara kerb dan laluan pejalan kaki/sikal untuk keselamatan.
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Reka bentuk penanaman haruslah mudah untuk diselenggarakan dan penggunaan spesis pokok rasmi dan tempatan digalakkan. 2. Jenis spesis tanaman yang digunakan tidak merbahaya kepada pengguna, silara yang rending dan mempunyai karakter yang menarik. 3. Penggunaan motif jata negeri Pahang dan tombak yang menjadi lambang negeri Pahang perlu diterapkan di dalam reka bentuk landskap kejur dan diharuskan bagi memberikan identiti / impak Bandar Diraja Pekan yang jitu. 4. Antara perabot jalan yang perlu diseragamkan adalah seperti jaringan pejalan kaki/sikal, pencahayaan, sistem papan tanda yang jelas dan menarik (untuk pejalan kaki/sikal dan kenderaan), kemasan lantai bermotif, bollard dan billboard. 5. '*Mural wall*' dan lukisan-lukisan artis serta lukisan-lukisan tajaan/sumbangan dari badan-badan koperat dan NGO sebagainya perlu dilaksanakan untuk memberikan impak yang baik dan menjadi daya tarikan pelancong perlu dirancang khas untuk '*Street arts*' di Jalan Teng Quee. Menggunapakai sistem anak angkat dicadangkan. 6. Penekanan dan penelitian reka bentuk yang melalui kawasan bangunan-bangunan warisan dan kawasan bersejarah memerlukan reka bentuk yang khas supaya ciri-ciri warisan dan sejarah dapat digabungkan di dalam landskap yang seragam. Pokok-pokok yang dicadangkan juga haruslah tidak menghalang fasad bangunan-bangunan warisan ini. 7. Pokok-pokok yang telah diwartakan haruslah dikekalkan dan pokok-pokok yang mempunyai nilai estetik juga harus dikekalkan. Penggunaan pokok-pokok berbunga kuning adalah digalakkan. 8. Menggalakkan tanaman pokok-pokok teduhan di parkir-parkir dengan nisbah 4 petak untuk sebatang pokok dan haruslah konsisten untuk semua kawasan baru dan lama sedia ada. 9. Penutupan longkang-longkang/saliran sedia ada di kawasan bandar digalakkan bagi menampung keperluan laluan pejalan kaki/sikal (minimum 2 meter) bagi kawasan yang sempit dan terhad. 10. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 11. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Michelia champaca* – Pokok Cempaka Kuning ▪ *Peltophorum pterocarpum* – Batai laut ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma (kuning) ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Phoenix dactylifera* – Date palm ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Ixora coccinea* – Siantan (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus spp. (renek) ▪ *Ophiopogon spp.* – Ophiopogon spp. (tutup bumi) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (tutup bumi)










Karektor landskap kawasan pusat bandar yang menarik dengan penataan seni dan ruang bandar


Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Kawasan Industri		
Aspek	Bagi mengindahkan lagi kawasan-kawasan industri dan mengurangkan pencemaran bising, asap, bau dan pengurangan pandangan kawasan tepubina yang kurang menarik disamping menimbulkan pandangan estatik. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa serta mampan bagi kegunaan umum disamping merendahkan suhu persekitaran dan meningkatkan kualiti setempat.	   Karektor landskap kawasan industri yang menenangkan dan menurunkan suhu setempat
Justifikasi	1. Menyediakan zon penampan antara gunatanah kawasan industri, perumahan dan jalan utama bagi mengurangkan masalah pencemaran. 2. Konsep penanaman secara padat dan berlapis perlu digunakan disamping penggunaan landskap kejur pada hiasan dinding penampan jika diperlukan. Penggunaan spesis pokok yang rimbun digalakkan. 3. Zon penampan perlulah mengikut piawaian semasa yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan lain-lain jabatan yang berkaitan dengan kesesuaian jenis industri yang dibina terutamanya industri automobil Peramu dan yang dirancangkan di kawasan-kawasan lain.	
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Penggunaan motif jata gading gajah dan tombak yang menjadi lambang negeri Pahang perlu diterapkan di dalam reka bentuk landskap kejur terutama reka bentuk papan tanda. 2. Persekitaran lot-lot industri perlulah di landskap dengan ciri-ciri pokok yang menegak dan dapat memberi teduhan disamping dapat memberikan persekitaran yang nyaman serta '*ambient*' yang menarik. Digalakkan penyediaan kawasan landskap atau taman kecil untuk pekerja beristirehat. 3. Pemilihan pokok-pokok haruslah dari jenis yang tahan lasak, kukuh dan tegap supaya dapat memberikan impak dan perbezaan antara industri terancang dan tidak terancang. 4. Pokok haruslah sesuai dengan keadaan tahan sedia ada seperti pokok yang hidup ditanah jenis berpasir. 5. Penyediaan zon penampan yang mencukupi terutama bagi kawasan industri yang bersebelahan dengan kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi, hospital dan institusi bagi mengurangkan masalah pencemaran. 6. Zon penampan haruslah mempunyai kombinasi penanaman secara padat dengan lapisan struktur pokok yang padat dan rimbun, tumbuhan renek yang menghalang pandangan, bunyi, bau dan habuk serta dapat mewujudkan pangan yang mempunyai ciri-ciri estetik. 7. Laluan pejalan kaki/sikal (minimum 2 meter) perlu disediakan untuk tujuan keselamatan dan haruslah disediakan minimum jarak 1 meter dari kerb jalan. Jaringan hijau 1 meter antara kerb dan laluan pejalan kaki/sikal ini perlu ditanam dengan pokok pagaran dan pokok yang rending	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. 10% kawasan kilang haruslah diperuntukkan untuk kawasan lapang/hijau berfungsi untuk beriadah dll. 2. Penanaman pokok secara '*zig-zag*' amat baik sebagai zon penampan disamping tanaman pokok renek sebagai pagaran. 3. Reka bentuk penanaman haruslah mudah untuk diselenggarakan dan penggunaan spesis pokok tahan lasak dan kurang penyelenggarannya. Tanaman perlu diselang-seli dengan pokok-pokok yang berbunga kuning supaya imej Bandar Diraja dapat diseragamkan dikesemua zon gunatanah. 4. Pencahayaan yang baik harus disediakan terutama dijalan-jalan utama keluar/masuk ke zon industri sebagai keselamatan. 5. Laluan pejalan kaki/sikal haruslah dijarakkan dari kerb jalan dan menyediakan jaringan hijau antaranya. 6. Penyediaan papan tanda yang terancang dan bahan binaan yang seragam dengan bangunan digalakkan. 7. Papan tanda untuk kawasan awam perlulah menitik beratkan kepada reka bentuk yang mempunyai imej Bandar Diraja. 8. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 9. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Peltophorum pterocarpum* – Batai laut ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Livistona chinensis* – Chinese Fan Palm ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Baphia nitida* – Camwood (renek) ▪ *Ixora coccinea* – Siantan (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus spp. (renek)	

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Kawasan Perumahan/Kediaman		
Aspek	Bagi mengindahkan lagi kawasan-kawasan skim perumahan yang selesa dan harmoni. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa serta mampan bagi kegunaan umum dan meningkatkan kualiti setempat.	
Justifikasi	1. Penyediaan kawasan lapang/taman permainan berpusat sebanyak 10 peratus bagi setiap kawasan skim perumahan terancang penting sebagai tempat beriadah. Membantu pembesaran kanak-kanak dengan menyediakan kemudahan perabot taman dan peralatan permainan/senaman yang sesuai untuk semua lapisan umur. 2. Meningkatkan dan menyediakan kawasan beriadah terancang bagi kegunaan penduduk setempat dan memastikan keperluan ruang rekreasi mencukupi mengikut piawaian dan garispanduan sedia ada. 3. Penambahbaikan terhadap kemudahan sedia ada bagi menjamin keperluan rekreasi mencukupi dan selamat untuk digunakan dan diselenggara dengan baik. 4. Penyediaan landskap kawasan perumahan semasa tidak komprehensif dan kualiti pemandangan kawasan perumahan yang kurang memuaskan.	
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Penyediaan ruang selebar 3 meter di sepanjang jalan bagi tujuan penanaman dan siar kaki/sikal serta ianya hendaklah tidak diturap. 2. Jenis tanaman haruslah dari spesis yang selamat, tidak beracun atau berduri serta tidak bersaiz besar. Sistem akar jenis tunjang haruslah dipilih untuk memastikan tanaman tidak merosakkan kemudahan asas/utiliti yang lain dan menggangu struktur persekitaran. 3. Penyediaan peralatan permainan secara integrasi (*intergrated playground equipment/structure*) digalakkan mengikut kepada piawaian PBT. 4. Penyediaan perabot taman yang mencukupi seperti bangku, tong sampah, pondok rehat, pencahayaan, pengairan, saliran yang baik dan bersesuaian dengan keperluan setempat. 5. Digalakkan supaya laluan pejalan kaki/sikal di kawasan taman dihubungkan dengan jajaran/jaringan laluan pejalan kaki/sikal pinggiran jalan disekitar kawasan perumahan bagi keselesaan dan kemudahan penduduk. 6. Penyediaan zon penampan mengikut piawaian PBT/JPBD diharuskan bagi skim perumahan yang berdekatan dengan kawasan kilang, kubur, sungai dan zon banjir. 7. Penyediaan laluan pejalan kaki sekurang-kurangnya 3 meter didalam rizab jalan di hadapan lot-lot rumah perlu disediakan dengan kemasan yang sesuai untuk kegunaan pejalan kaki seperti mempunyai permukaan yang kasar dan tidak licin serta selamat. 8. Pencahayaan yang mencukupi juga perlu disediakan selain dari lampu jalan yang disediakan bagi meningkatkan keselamatan pengguna.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Digalakkan penyediaan kebun komuniti disetiap skim perumahan selain dari kawasan lapang/rekreasi yang perlu disediakan. Digalakkan juga pemilihan pokok buah-buahan ditanam di pinggir jalan dan kawasan lapang. 2. Penyelenggaraan yang lebih efisien dan sistematik diperlukan bagi menjamin peralatan permainan berada pada tahap yang selamat untuk digunakan. 3. Meminimumkan penggunaan pokok-pokok renek dan penutup bumi bagi mengurangkan kos penyelenggaraan. Penanaman pokok-pokok yang rendang yang dapat memberikan teduhan yang baik perlu disediakan. Guna tanaman yang senang dijaga dan diselenggarakan serta tidak menghalang visual penglihatan. 4. Peralatan permainan perlulah berbentuk moden, '*adventure*', interaktif dan menggunakan skim warna yang dapat menarik perhatian. 5. Bagi kediaman yang berketinggian seperti apartmen, kondominium dan flat perumahan, digalakkan untuk menyediakan kotak-kotak tanaman di bahagian beranda dan penyediaan '*rooftop garden*' sebagai sebahagian inisiatif penghijauan bangunan dan ruang rekreasi tambahan. 6. Bagi pembangunan kediaman yang mempunyai kawasan pembangunan terhad dan ruang kawasan lapang yang tidak mencukupi adalah digalakkan untuk menukar kepada konsep '*rooftop garden*', landskap hiasan dalaman atau penggunaan '*vertical landscape*' sebagai hiasan. 7. Digalakkan penggunaan tanaman spesis tempatan dan berbunga kuning dan mempunyai kadar penjagaan dan penyelenggaraan yang minimum. 8. Penggunaan '*root barrier*' untuk pokok diharuskan untuk kawasan penanaman yang bersebelahan dengan struktur bangunan, longkang, laluan utiliti bawah tanah dan pinggiran jalan bagi meminimakan kacau ganggu terhadap struktur tersebut. 9. Tanaman pokok dibawah talian elektrik dan telefon mestilah dari spesis yang tidak terlalu tinggi dan besar serta jika perlu dielakkan penanaman pokok di bawah talian tersebut. 10. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 11. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Michelia champaca* – Pokok Cempaka kuning ▪ *Peltophorum pterocarpum* – Batai laut ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma (kuning) ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Ixora coccinea* – Siantan (renek) ▪ *Hibiscus rosa sinensis* – Bunga raya (renek)	 Karektor landskap kawasan perumahan di kawasan kejiranan dan pinggiran jalan

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Kawasan Perkampungan		
Aspek	Bagi memelihara, memulih dan meningkatkan suasana kampung dan persekitaran setempat dengan menekankan nilai-nilai sejarah dan kebudayaan. Perancangan aktiviti pelancongan 'eco' dan 'agro', perladangan, perdusunan serta penghayatan alam semulajadi dapat juga dijalankan dan dimanfaatkan yang memberikan pulangan kepada penduduk kampung terutama orang asli.	   Karektor landskap kawasan perkampungan
Justifikasi	Meningkatkan taraf ekonomi penduduk kampung yang jauh dari bandar dengan memberikan inisiatif dan kemudahan serta penerapan perlandskapan setempat bagi menonjolkan identiti / imej tersendiri untuk kampung tersebut.	
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Penyediaan penanaman tambahan diruang-ruang jalan masuk kekampung terutama persimpangan utama, pinggiran jalan dan sekitar perumahan desa. 2. Membangunkan kawasan terbiar sebagai tapak semaian dan jualan pokok-pokok bagi tujuan perlandskapan dan hiasan. 3. Mendidik dan mengalakkan penambahan dan penanaman pokok-pokok hiasan landskap dengan menyumbang benih-benih pokok tempatan. 4. Menggalakkan penanaman spesis perubatan dan herba tradisional sebagai sumber kajian, pembelajaran dan stok benih. 5. Perletakan elemen-elemen landskap kejur yang sesuai bagi setiap kampung yang dapat mencerminkan imej kampung tersebut.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Konsep penanaman secara bebas dan rambang bagi memastikan imej kampung sedia ada kekal asli. Penanaman secara tersusun akan menghilangkan ciri-ciri asal perkampungan yang semulajadi. Kemudahan untuk kerja-kerja penyelenggaraan perlulah diutamakan. 2. Penanaman pokok secara berkelompok dapat memberikan suasana landskap semulajadi adalah digalakkan terutama dengan menggunakan pokok-pokok renek dan pokok-pokok berwarna samada melalui daun ataupun bunga. Ini akan dapat menceriakan suasana perkampungan. 3. Penanaman pokok-pokok hiasan secara tersusun dan terancang boleh digunakan dimana terdapatnya kampung-kampung yang terancang/tersusun. 4. Penggunaan landskap kejur terutama laluan pejalan kaki mestilah tahan lasak. Kemasan konkrit dengan corak ringkas digalakkan. Perletakan papan tanda perlu disediakan pada setiap jalan utama dan perumahan. *5.* Jika perkampungan mempunyai laluan sungai maka digalakkan penanaman pokok menjalar iaitu *Thunbergia fragrans* – Whitelady (menjalar) yang merupakan bunga rasmi Daerah Pekan. 6. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Michelia champaca* – Pokok Cempaka kuning ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Plumeria spp.* – Pokok Kemboja ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Hibiscus rosa sinensis* – Bunga raya (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus (tutup bumi) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (menjalar)	

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi
Kawasan Tasik, Persisiran Sungai Dan Pantai	
Aspek	Bagi memelihara, memulih dan meningkatkan penyelenggaraan sumber semulajadi supaya dapat digunakan sebaik mungkin untuk tujuan rekreasi, pelancongan dan mengekalkan alam semulajadi sebagai daya tarikan pengunjung.
Justifikasi	1. Memastikan supaya sumber alam semulajadi seperti tasik, sungai dan pantai dapat dikekalkan dan diselenggara dengan baik. 2. Mengenalpasti kelebihan sesuatu kawasan dan menjadikannya sebagai kawasan tarikan serta diseragamkan menjadi satu pakej pelancongan yang menarik dan berdaya saing disamping kemudahan-kemudahan awam dapat disediakan secara terancang.
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Memastikan setiap pembangunan persisiran tasik, sungai dan pantai mengikuti piawaian perancangan dan memastikan rizab tasik, sungai dan pantai wajib dikekalkan untuk kegunaan awam sepenuhnya. 2. Memastikan supaya tiada bangunan sementara persendirian mahupun rumah-rumah haram didirikan di rizab-rizab tasik, sungai dan pantai serta rizab pantai yang ditumbuhi hutan bakau. 3. Menjadikan sungai sedia ada sebagai laluan air dan rizab sungai sebagai sebahagian laluan darat persisiran sungai serta menggalakkan aktiviti sukan air terutama di Sungai Parit. Penggunaan perahu-perahu tradisional Pahang dan kanu sebagai daya tarikan adalah digalakkan. Sungai ini akan menjadi salah satu penghubung antara Pulau Beram (stesen utama laluan air yang dicadangkan dalam RTD Pekan 2035 (Penggantian)) dan cadangan Taman Diraja di Padang Polo ll serta lain-lain pulau yang menjadi salah satu pakej pelancongan di Daerah Pekan ini dengan kemudahan jeti secukupnya. 4. Sungai yang telah dikenalpasti untuk aktiviti sukan air iaitu di kuala Sungai Miang mestilah dibangunkan dengan terancang lengkap dengan kemudahan sukan air, bangunan utama, depoh penyimpanan, chalet, hostel dan kem latihan/kursus untuk semua lapisan umur. 5. Penyediaan kemudahan awam disepanjang pantai yang terdapat di daerah Pekan ini perlu disediakan memandangkan pantainya yang cantik dan pemandangan semulajadi yang menarik. Laluan pejalan kaki/sikal dan penyelenggaraan yang digabungkan dapat memberikan keselesaan kepada pengunjung. 6. Mengenalpasti kawasan yang perlu dipulihara dan dinaiktaraf sebagai sebahagian dari jaringan '*scenic highway*' terutama jalan dari bandar Pekan ke Nenasi perlu disediakan dengan kemudahan awam yang secukupnya terutama tempat parkir kenderaan ringan dan berat. 7. Laluan (minimum 3 meter) yang disediakan haruslah tahan lasak dan sesuai untuk kegunaan pejalan kaki/sikal dan kenderaan penyelenggaraan (maksimum 1 tan) dan dilengkapi dengan pencahayaan yang baik dan terang. 8. Bagi pembangunan yang hampir dengan kawasan tebing, perancangan yang teliti dan langkah-langkah keselamatan perlu diberikan perhatian utama agar tidak berlaku hakisan, pencemaran dan juga kemalangan. 9. Struktur pembinaan seperti jeti, restoran terapung, chalet dll mestilah menggunakan kaedah tiang cerucuk bagi mengurangkan kacau ganggu terhadap tebing sedia ada, eko-sistem dan pengaliran air.
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Menggunapakai garispanduan dan pendekatan 'Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) dalam mengolahkan ruang rizab sedia ada dapat menghasilkan impak landskap yang lebih ketara dan meningkatkan kualiti persekitaran yang kondusif. 2. Cadangan landskap haruslah tidak mendatangkan kacau ganggu kepada kawasan tadahan air sedia ada sebaliknya memastikan bahawa cadangan landskap ini melindungi dan memelihara kawasan-kawasan yang sensitif seperti kawasan tadahan air dan rizab-rizab yang lain. 3. Memastikan supaya habitat sedia ada dikekalkan dan dilindungi dan jika perlu mewujudkan & menambah habitat yang sesuai untuk sesuatu kawasan cadangan. 4. Memastikan supaya penduduk setempat mendapat faedah dari apa yang dicadangkan dan dapat menaikkan taraf kehidupan mereka dengan mengadakan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya. 5. Bahan binaan dan kemasan bagi semua komponen landskap kejur haruslah mempunyai imej dan identiti Bandar Diraja disamping tahan lasak, tahan karat dan kalis air. Penggunaan bahan-bahan '*artificial*' seperti kayu tiruan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan. 6. Memastikan perparitan disediakan dengan baik bagi mengelakkan air bertakung dan pencahayaan yang terang bagi meningkatkan keselamatan pengguna pada waktu malam. 7. Reka bentuk bangunan dan kawasan persekitaran perlu disesuaikan dengan keadaan alam bina sekeliling dari segi ketinggian, fasad dan saiz serta menggunakan ciri-ciri asli alam sekitar. Bangunan yang dibina haruslah menghadap air. Bangunan-bangunan baru haruslah tidak menghalang vista pandangan bangunan sedia ada dan didirikan sekurang-kurangnya 20 meter dari gigi air. 8. Menguatkuasa undang-undang supaya tiada pembuangan sisa-sisa pepejal dan sampah serta kumbahan ke dalam sistem saliran sedia ada. 9. Menguatkuasa undang-undang supaya persisiran pantai yang mempunyai hutan bakau dipelihara dan dikekalkan bagi mengurangkan berlakunya hakisan pantai dan sungai. Walau bagaimana pun aktiviti rekreasi masih dibenarkan dan kemudahan yang disediakan haruslah berbentuk titian iaitu tidak menyentuh tanah dan tanaman sedia ada kecuali tiang penyokong untuk laluan pejalan kaki, chalet dan jeti. 10. Jalan-jalan masuk ke kawasan rekreasi haruslah disediakan dan perlulah mempunyai pelbagai atau alternatif untuk sampai ke kawasan rekreasi ini. Kawasan parkir yang disediakan perlulah berselerak disepanjang kawasan rekreasi bagi mengalakkan pengunjung berjalan dan berbasikal. 11. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan. 12. Kemudahan-kemudahan awam yang perlu disediakan adalah seperti: ▪ Tempat parkir ▪ Tandas awam ▪ Sistem papan tanda yang efisien ▪ Gerai-gerai makan ▪ Chalet ▪ Restauran berkonsep ▪ Laluan pejalan kaki/sikal dan penyelenggaraan ▪ Pencahayaan yang baik untuk keselamatan ▪ Jeti ▪ Tapak perkelahan ▪ Tapak perkhemahan ▪ Surau ▪ Pondok rehat/wakaf ▪ Perabot taman yang sesuai ▪ Taman permainan kanak-kanak ▪ '*Outdoor gym*' ▪ Menara tinjau ▪ Dll kemudahan yang perlu dari masa kesemasa. 13. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Casuarina spp* – pokok Rhu ▪ *Azadirachta indica* – Pokok Semambu (Neem) ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Cassia fistula* – Golden shower ▪ *Baphia nitida* - Camwood ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Bucida molineti* – Pokok Doa ▪ *Hibiscus rosa sinensis* – Bunga raya (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus (tutup bumi) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (tutup bumi)








Karektor landskap kawasan persisiran pantai dan sungai


Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi
Kawasan Lapang Dan Rekreasi	
Aspek	Keperluan penyediaan kemudahan rekreasi dan kawasan lapang bagi semua jenis cadangan pembangunan di dalam Daerah Pekan. Penyediaan keperluan bertujuan ke arah merealisasikan objektif pembangunan komuniti sejahtera dengan kemudahan yang mampan dan mesra alam serta mesra OKU. Ia juga dapat mewujudkan suasana persekitaran yang selesa dan menyegarkan bersesuaian dengan aktiviti riadah pasif mahupun aktif.
Justifikasi	1. Penyediaan kemudahan ini haruslah berpandukan kepada garis panduan dan piawaian perancangan dan mencapai prinsip-prinsip pembangunan kejiranan sejahtera, sihat dan penyediaan ruang-ruang pasif dan aktif. Ia juga bagi memastikan supaya kemudahan kawasan lapang dan rekreasi yang dicadangkan mempunyai ciri-ciri kemudahsampaian, selamat dan mematuhi kepada nisbah penduduk yang ditetapkan dan diterima pakai oleh PBT tempatan. 2. Keutamaan penyediaan landskap untuk kawasan lapang dan rekreasi adalah bagi membentuk imej Bandar Diraja dengan bertemakan warna kuning. Oleh itu pemilihan pokok yang bercirikan bunga kuning dan mempunyai ciri-ciri pokok budaya dan tradisi setempat dan reka bentuk/senibina landskap kejur yang lebih menjurus kepada kontemporari klasik adalah penting supaya imej Bandar Diraja dapat ditonjolkan dengan baik.
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Memastikan supaya 50 peratus dari kawasan lapang dan rekreasi yang disediakan/dirancang haruslah digunakan sebagai kawasan hijau. 2. Penyediaan perabot taman (landskap kejur) perlu mengambil kira keseragaman dengan perletakan, reka bentuk, warna dan bahan binaan yang seiring dengan karakter landskap lembut. 3. Penyediaan pagar keselamatan disepanjang kawasan yang berparit dan persisiran sungai dan tasik yang mempunyai cerun yang curam. 4. Perancangan kemudahan awam seperti laluan masuk, siar kaki, pencahayaan, papan tanda, bangku, bangunaan awam dan lain-lain yang disediakan didalam taman perlulah mengikut kepada piawaian perancangan dan garispanduan sedia ada serta kehendak umum dari masa kesemasa. 5. Penyediaan zon penampan diperlukan jika kawasan taman bersebelahan dengan kawasan perindustrian atau kawasan-kawasan yang berisiko dengan menyediakan perlandskapan lembut yang padat. Penggunaan pagar perlu disediakan jika perlu. 6. Pencahayaan mestilah disediakan di sepanjang laluan pejalan kaki/sikal, jalan masuk, parkir dan tempat-tempat permainan serta bangunan-bangunan awam dalam taman bagi tujuan keselamatan terutama pada waktu malam. 7. Memastikan supaya kemudahan kawasan lapang dan rekreasi dirancang dengan baik semasa proses penyediaan pelan susun atur secara komprehensif dan bukan secara tidak dirancang. Juga harus dipastikan supaya perletakkan kemudahan rekreasi di lokasi yang selamat dan mudah dihubungi. 8. Penggunaan prinsip mampan dalam perancangan landskap yang meliputi fungsi, penyelenggaraan yang mudah, mesra alam, kos yang munasabah, menarik, mesra OKU dan kemudahsampaian serta vista yang sesuai dengan reka bentuk taman dan kawasan lapang.
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Tapak yang disediakan haruslah mempunyai sistem saliran yang baik dan perancangan susun atur perlulah memaksimakan kelebihan alam semulajadi seperti badan air, bukit, terusan dan kehijauan sedia ada. Elakkan landskap yang boleh mewujudkan ruang untuk bersembunyi. 2. Kemudahan dan aktiviti yang disediakan haruslah dapat dihubungi oleh laluan pejalan kaki/sikal dengan kelebaran yang mampu dilalui oleh kenderaan penyelenggaraan. 3. Perancangan susun atur haruslah dapat memberikan pengawasan secara maksimum kepada kawasan rekreasi melalui penyediaan jalan bersempadan dengan kawasan rekreasi dan orientasi bangunan menghadap ke kawasan rekreasi. Digalakkan juga perancangan taman-taman ini bersempadan dengan jalanraya pada 2 bahagian sempadan taman. 4. Keluasan dan reka bentuk yang disediakan haruslah mengikut kepada heirarki, fungsi dan mencukupi bagi menempatkan semua kemudahan rekreasi yang diperlukan mengikut kepada piawaian dan garispanduan jenis taman yang dicadangkan serta mampu untuk menampung keperluan semasa dan keperluan masa hadapan. Kemudahan yang disediakan juga haruslah mesra OKU. 5. Digalakkan supaya pokok-pokok sedia ada yang mempunyai nilai-nilai estetik dikekalkan dan dipelihara serta jika perlu '*transplanting*' dilakukan bagi mengalihkan pokok pada lokasi yang baru. 6. Pemilihan pokok haruslah berpandukan kepada kriteria seperti berikut : ▪ Pokok tempatan dari spesis tempatan. ▪ Penyelenggaraan yang minimum. ▪ Pokok yang mempunyai jenis akar yang menjalar dan besar haruslah ditanam jauh dari laluan pejalan kaki/sikal, laluan penyelenggaraan atau apa-apa bangunan dalam taman bagi mengelakkan kacau ganggu terhadap struktur binaan. Penggunaan '*rootbarrier*' perlu digunakan jika pokok jenis ini ditanam di tepi atau berdekatan dengan apa-apa struktur binaan. ▪ Haruslah sesuai dengan fungsi pokok seperti sebagai zon penampan, teduhan, mengelakkan hakisan dan pengawalan cerun. ▪ Pokok yang mempunyai dahan yang rapuh/senang patah, daun yang mudah luruh, berduri, beracun, mudah dijangkiti dan menarik perhatian serangga berbisa/perosak haruslah dielakkan. ▪ Mempunyai silara yang rending dan menarik. ▪ Mampu menarik kehadiran habitat liar seperti burung, rama-rama, pepatung, belalang dll. 7. Digalakkan penanaman pokok-pokok nadir (*rare species)* untuk tujuan pembelajaran/penyelidikan dan pokok buah-buahan yang sesuai. 8. Mengurangkan penggunaan dan penanaman pokok-pokok renek dan tutupbumi supaya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan. 9. Penggunaan air kitar semula untuk penyiraman pokok dengan menggunakan air hujan, tasik atau sungai berdekatan adalah digalakkan. Penggunaan tenaga solar untuk pencahayaan taman juga digalakkan. 10. Digalakkan juga penggunaan tong sampah kitar semula dengan reka bentuk yang menarik disediakan ditempat-tempat tumpuan ramai dan disepanjang laluan pejalan kaki/sikal. 11. Mewujudkan sistem pengumpulan sampah tanaman untuk diproses/dikompos menjadi baja organik adalah digalakkan. Ini termasuklah daun-daun pokok yang mudah reput, dahan kayu dan rumput. Penyediaan mesin dan kawasan khas diperlukan. 12. Kriteria penanaman pokok dan keperluan kemudahan landskap kejur bagi setiap jenis kawasan lapang dan rekreasi haruslah juga berpandukan kepada garispanduan Laporan Pelan Induk Landskap Pekan dan piawaian perancangan bagi kawasan lapang dan rekreasi sedia ada. 13. Jenis spesis pokok yang sesuai: ▪ *Caesalpinia ferrea* – Leopard tree ▪ *Casuarina spp.* – Pokok casuarina ▪ *Andira inermis* – Cabbage tree ▪ *Azadirachta indica* – Pokok Semambu (Neem) ▪ *Michelia champaca* – Pokok Cempaka kuning ▪ *Dalbergia oliveri* – Pokok Tamalan ▪ *Delonix regia.* – Pokok Semarak Api ▪ *Bucida molineti* – Pokok Doa ▪ *Samanea saman* – Pokok Hujan-hujan ▪ *Fagraea fragrans* – Tembusu padang ▪ *Tabebuia spp.* – Pokok Tekoma ▪ *Allamanda cathartica* – Golden trumpet (renek) ▪ *Acalypha siamensis* – Tea leaf (renek) ▪ *Bougainvillea spp.* – Bunga kertas (renek) ▪ *Hibiscus rosa sinensis* – Bunga raya (renek) ▪ *Pandanus spp.* – Pandanus (tutup bumi) ▪ *Thunbergia fragrans* – Whitelady (tutup bumi)



Karektor landskap kawasan lapang dan rekreasi

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Taman Bandar		
Justifikasi	Tempat tumpuan penduduk bandar bagi kegiatan rekreasi dan sukan bermusim. Terdapat juga aktiviti-aktiviti sokongan seperti *'Food truck'*, taman tema, acara keramaian dan acara-acara kemasyarakatan dan acara tahunan.	  Karektor landskap Taman Bandar
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Padang untuk aktiviti-aktiviti terancang. 2. Bangunan/Dewan sukan dalaman. 3. Kompleks sukan dalaman '*Indoor game*'. 4. Padang permainan kanak-kanak. 5. Kawasan bersiar-siar dan rehat. 6. Kolam renang. 7. Kawasan perkelahan dan perkhemahan. 8. Mesra OKU. 9. Kawasan aktiviti riadah seperti berjoging. 10. Aktiviti air seperti berkanu/berperahu atau '*water jet sports*'. 11. Kemudahan *'Outdoor gym'*. 12. Gelanggang badminton, takraw, tenis dan bola keranjang serta futsal dll. 13. Kemudahan parkir perbagai kenderaan. 14. *'Golf driving range'* 15. Hutan lipur, taman bunga dll.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Terletak dalam lingkungan setengah jam perjalanan (5KM-10KM). 2. Keluasan minima taman bandar ialah 40 hektar (100 ekar) iaitu bersamaan dengan keperluan 50,000 penduduk. 3. Perjalanan tahap kemudahsampaian yang tinggi. 4. Tiada pembangunan intensif fisikal dibenarkan kecuali penyediaan kemudahan rekreasi.	
Taman Tempatan		
Justifikasi	Penggunaannya meliputi aktiviti-aktiviti fizikal, sosial dan kebudayaan yang menarik penduduk setempat. Penyediaan ruang terbuka untuk persembahan (*open air theatre*). Penyediaan rekreasi pasif dan kegiatan sukan tersusun untuk masyarakat setempat. Sesuai untuk kegunaan acara-acara pertandingan sukan dan lain-lain aktiviti fizikal yang dapat mewujudkan interaksi sosial dan kebudayaan setempat.	  Karektor landskap Taman Tempatan
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Padang bola sepak, gelanggang badminton, tenis, takraw dan futsal serta bola keranjang. 2. Ruang terbuka untuk kegunaan aktiviti rekreasi aktif seperti kasut roda, skate board, kereta kawalan dan sebagainya. 3. Kolam renang. 4. Dewan serbaguna tertutup. 5. Kawasan permainan kanak-kanak kering dan basah (*wet and dry park*). 6. Lot permainan kanak-kanak mengikut usia dan mesra OKU. 7. Trek joging dan berjalan kaki. 8. Tempat rehat, pondok rehat, tempat duduk terbuka dan kawasan teduhan. 9. Tasik buatan dan aktiviti air. 10. Lain-lain kemudahan taman seperti perabot taman dan bangunan penyelenggaraan serta kemudahan yang diperlukan bergantung kepada tren terkini. 11. Kemudahan meletak kenderaan. 12. Bangunan penyelenggaraan dan pusat imformasi & café. 13. Penyediaan kawasan untuk *'food truck'* dan sebagainya. 14. Kawasan taman tema seperti taman bunga dan sebagainya.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Keluasan 8 hektar sehingga ke 40 hektar atau 20 ekar hingga 100 ekar. 2. Taman tempatan haruslah disediakan bagi jumlah penduduk antara 12,000 sehingga 50,000 orang. 3. Kedudukannya di dalam lingkaran radius 15 minit perjalanan menggunakan kenderaan atau dalam jarak kurang dari 5KM daripada jarak kawasan perumahan. 4. Mempunyai jaringan (*linkage*) dengan kawasan kejiranan dan komuniti 5. Mempunyai taman yang dipenuhi dengan bungaan pada kawasan dan teduhan dari pokok yang rendang supaya suasana nyaman dan harmoni dapat diwujudkan. 6. Penyediaan ruang-ruang terapi.	

Sambungan Jadual 2.6...

Perkara	Garis Panduan Khusus Landskap dan Rekreasi	
Taman Komuniti		
Justifikasi	Penggunaan meliputi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan acara sukan setempat meliputi beberapa kejiranan. Mempunyai dewan komuniti tersendiri dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.	 Karektor landskap Taman Komuniti
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Disediakan untuk beberapa unit kejiranan. Perletakkannya adalah di pusat komuniti dalam lingkungan jarak berjalan kaki 10 minit daripada unit-unit kejiranan. 2. Kemudahan rekreasi tahap komuniti mestilah disediakan mengikut keperluan dan tadahan. 3. Taman komuniti hendaklah ditempatkan di kawasan pusat komuniti yang boleh dikongsi bersama oleh 4-6 unit kejiranan. Jarak yang ideal bagi taman komuniti dari sempadan kawasan komuniti adalah 760m. 4. Padang bola sepak. 5. Gelanggang permainan seperti badminton dan bola keranjang serta futsal. 6. Kawasan lapang permainan kanak-kanak. 7. Alat permainan kanak-kanak mengikut usia. 8. Peralatan bersenam luaran (*outdoor gym equipment).* 9. Laluan jogging, pejalan kaki/sikal dan penyelenggaraan.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Keluasan taman komuniti adalah seluas 3 hektar atau 7 ekar. 2. Mempunyai jaringan dengan taman kejiranan dan tempatan. 3. Tiada pembangunan intensif fisikal dibenarkan kecuali penyediaan kemudahan rekreasi.	
Taman Kejiranan		
Justifikasi	Kawasan zon perumahan terancang dan disediakan untuk kemudahan rekreasi bagi penduduk dalam kawasan kejiranan dan mempunyai padang dan gelanggang sukan berserta taman untuk teduhan, berkelah dan pengindahan.	 Karektor landskap Taman Kejiranan
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Padang permainan kanak-kanak. 2. Lot permainan kanak-kanak berkonsep '*adventure'* untuk usia sekolah rendah. 3. Kawasan turapan untuk pelbagai kegunaan seperti yoga dll. 4. Gelanggang badminton, tenis, takraw dll. 5. Padang bola sepak dan gelanggang futsal. 6. Kawasan berjoging dan berbasikal. 7. Kawasan berlandskap dan teduhan. 8. Kawasan parkir awam. 9. Mesra OKU. 10. Dilengkapi dengan perabot taman yang mencukupi dan kawasan teduhan untuk membaca, bercerita, permainan tradisional, berkelah dan membuat anyaman.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Keluasan taman antara 2 hektar sehingga 8 hektar (5 ekar). 2. Taman kejiranan haruslah diletakkan di pusat kejiranan dalam jarak 380 meter atau 5 minit berjalan kaki dari sempadan kejiranan. 3. Dalam kawasan perumahan dengan kepadatan penduduk antara 3,000 hingga 12,000 orang.	
Padang Permainan		
Justifikasi	Di dalam kawasan perumahan terancang. Kemudahan bagi kegiatan permainan sama ada formal atau tidak formal khususnya untuk kanak-kanak sekolah rendah dan remaja.	 Karektor landskap padanga permainan
Kriteria Perancangan dan Reka Bentuk	1. Keperluan menyediakan satu taman permainan kanak-kanak dengan lot permainan yang mengandungi buaian, papan gelongsor, jongkang-jongkit, memanjat dan kawasan pengembaraan. 2. Peralatan permainan haruslah mengikut piawaian sirim dan garispanduan penyediaan peralatan permainan kanak-kanak oleh pihak Jabatan Landskap Negara. 3. Semua peralatan haruslah menggunakan bahan yang selamat, bebas dari permukaan yang tajam, kukuh dan daya ketahanan yang tinggi. 4. Penyediaan parkir. 5. Penyediaan laluan pejalan kaki yang minimum.	
Garis Panduan dan Aplikasi	1. Keluasan taman antara 0.6 hektar sehingga 2 hektar (1.5 ekar sehingga 5 ekar). 2. Jarak lokasi dalam lingkungan tidak melebihi 1.5KM dari kediaman pengguna. 3. Mudah dikunjungi tanpa melalui atau melintasi banyak jalanraya. 4. Kemudahan keperluan untuk kawasan berkepadatan antara 1,000 hingga 3,000 orang penduduk. 5. Kemudahan peralatan permainan kanak-kanak perlu mencapai tahap minda kanak-kanak secara berkordinasi, kreativiti, keceriaan dan membina keyakinan diri. 6. Pencahayaan yang mencukupi dan terang untuk kegunaan malam. 7. Keperluan teduhan yang mencukupi.	

2.4 GARIS PANDUAN KHUSUS PERANCANGAN KAWASAN BERISIKO BANJIR DAN KAWASAN PANTAI DAERAH PEKAN

2.4.1 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BERISIKO BANJIR

Kajian NCES 2015 (*National Coastal Erosion Study*) telah menyenaraikan garispanduan yang berkaitan dengan tindakan menangani banjir mengikut tahap risiko (kawasan berisiko rendah, sederhana dan tinggi). Tahap risiko ini perlu ditentukan oleh JPS Daerah Pekan menerusi kajian-kajian lanjutan setempat berdasarkan data-data sejarah (historical data) bencana banjir terdahulu, seterusnya menentukan tahap risiko banjir kawasan-kawasan terlibat untuk masa kini dan akan datang.

Garispanduan ini perlu dirujuk bersama keperluan dan garis panduan JPS dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada. Tahap risiko banjir juga perlu meneliti perancangan guna tanah masa hadapan kawasan terlibat untuk menentukan tahap kerentanan (vulnerability) mereka. Tahap risiko banjir juga ditentukan dengan ciri-ciri kawasan samada ia di dalam dataran banjir atau tidak serta jenis/aktiviti yang dibenarkan dengan syarat (rujuk **Jadual 2.7)**.

Jadual 2.7 : Tahap Risiko dan Jenis Pembangunan Yang Dibenarkan

Tahap Risiko Banjir	Ciri-Ciri	Jenis/Aktiviti Pembangunan Yang Dibenarkan Dengan Syarat	
		Jenis/Aktiviti	Syarat Pembangunan
Kawasan yang berisiko rendah	1. Kawasan *flood free*/luar dataran banjir. 2. Kawasan dataran banjir 100 tahun dan ke atas.	Sebarang pembangunan yang dilaksanakan perlu sesuai dengan keadaan fizikal dan persekitaran. Sebagai contoh: 1. Taman perumahan,pusat komersial dan rekreasi 2. Balai Polis,balai bomba dan hospital. 3. *Emergency disposal point* seperti sekolah, dewan dan sebagainya 4. Perumahan beraras tingkat bawah tanah (*basement).*	1. Memaksimumkan peratusan kawasan hijau dan rekreasi dalam kawasan pembangunan (terutamanya di kawasan rendah) 2. Mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air dalam kawasan pembangunan. 3. Keperluan kepada penyediaan sistem kemudahan mengumpul air hujan (Konsep LID) 4. Keperluan kepada mematuhi keperluan MSMA dan memastikan tiada perubahan aliran puncak sama ada sebelum atau sesudah pembangunan. 5. Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di kawasan sekitar dataran banjir.
Kawasan yang berisiko sederhana	1. Kawasan pinggiran banjir (*Flood Fringe).* 2. Kawasan dataran banjir 50 hingga 100 tahun.	1. Kawasan untuk rekreasi seperti tapak perkhemahan. 2. Kawasan lapang dan landskap.seperti tempat perhimpunaan. 3. Zon penampan. 4. Pelancongan berkepadatan rendah. 5. Pertanian yang sesuai. 6. Institusi perkhidmatan penduduk seperti pusat penduduk, pusat penjagaan kanak-kanak, penjara, asrama. 7. Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir yang disokong oleh JPS. 8. Bangunan untuk kediaman, dewan, hotel, restoran. 9. Bangunan untuk kegunaan perkhidmatan kesihatan, sekolah, tadika. 10. Tapak perlupusan sisa pepejal 11. Bangunan kedai, perkhidmatan pakar, kedai makan, pejabat, industri umum, stor penyimpanan dan pengagihan.	1. Jenis kegunaan yang tidak menyebabkan pencemaran sumber air. 2. Reka bentuk bangunan perlu mengambil kira risiko banjir dan *flood proof.* 3. Pembangunan berdensiti rendah sahaja dibenarkan. 4. Memastikan sebarang struktur yang dibina tidak menghalang laluan air (*channel).* 5. Penyediaan infrastruktur saliran yang berkesan. 6. Langkah kawalan tebatan banjir yang ketat dilaksanakan di kawasan ini. 7. Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut garis panduan MSMS JPS dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu JPS.
Kawasan berisiko tinggi	1. Kawasan laluan banjir (*floodway*) 2. Kawasan dataran banjir 50 tahun	1. Kawasan rekreasi, hutan rekreasi, kemudahan sukan luaran, tandas awam serta aktiviti pemeliharaan kawasan semulajadi yang tidak mendatangkan impak risiko banjir. 2. Kawasan lapang dan landskap bagi kegunaan untuk tujuan sementara seperti caravan, tapak perkhemahan yang tidak meningkatkan risiko banjir. 3. Pertanian yang sesuai. 4. Pemuliharaan. 5. Infrastruktur kawalan banjir. 6. Stesen pengepam, kemudahan penyaluran air dan kemudahan pembetungan. 7. Pelabuhan, jeti, tanjung. 8. Tempat membaiki kapal, memproses ikan. 9. Stesen penyelamat tepi pantai.	1. Bahan pembangunan hendaklah jenis *flood proof* untuk mengurangkan tahap kemusnahan pada waktu banjir. 2. Pembangunan guna tanah di kawasan luar bandar yang tidak mendatangkan impak risiko banjir. 3. Mengadakan pembinaan struktur (*structural works*) seperti *flood mitigation dams*, tetambak, lintasan air (*by-pass flood*), 4. Memperbaiki saluran air keluar dan membentuk takungan air sebagai pilihan kedua sekiranya langkah-langkah bukan berstruktur kurang berkesan. 5. Sebarang struktur kekal tidak dibenarkan. 6. Struktur tidak kekal yang dibina mestilah tidak menghalang laluan air (*channel*) 7. Pembangunan di kawasan rizab tidak dibenarkan dan perlu mengikut MSMA dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu oleh JPS. 8. Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di dataran banjir.

2.4.2 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI

Daerah Pekan merupakan daerah maritim dengan garisan pantai yang panjang. Pantai Daerah Pekan juga menurut Kajian *National Coastal Erosion Study 2015* (NCES) terdedah kepada risiko hakisan pantai yang agak serius. Kajian NCES 2015 telah mencadangkan pindaan kepada Garispanduan JPS 1/97 dan ia dijadikan asas kepada satu garis panduan khusus untuk mengawal pembangunan kawasan persisiran pantai Daerah Pekan seperti berikut :

2.4.2.1 KAWALAN UMUM ALAM SEKITAR

1. EIA mesti dijalankan untuk aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015;
2. Kajian hidraulik perlu dijalankan bagi semua projek pembangunan di dalam kawasan pesisir pantai (*shorefront*) dan kawasan hadapan pesisir (*foreshore*).
3. Sekiranya persisiran pantai diubah kerana projek pembangunan atau projek infrastruktur, penggerak projek perlu menunjukkan kesan ke atas hidraulik dan alam sekitar sebelum mendapat kelulusan perancangan dan kelulusan tanah.
4. Pelan Tindakan Kecemasan dan Pemindahan (*Emergency Response and Evacuation Plan* - EREP) hendaklah disediakan dan disebarkan kepada semua masyarakat persisiran pantai dan agensi yang berkaitan.


2.4.2.2 STRATEGI PEMBANGUNAN DALAM ZON RISIKO PANTAI

Strategi yang boleh digunakan untuk perancangan pembangunan di dalam zon risiko pantai termasuklah :

1. Pembangunan hendaklah mengelakkan atau meminimumkan pendedahan kepada risiko-risiko persisiran pantai serta-merta (*immediate coastal risks*);
2. Pembangunan hendaklah dibuat dengan tidak memberi kesan buruk kepada keselamatan komuniti dan harta yang bersebelahan atau di dalam kawasan tapak;
3. Pembangunan mengambil kira jangkaan risiko-risiko dari proses persisiran pantai yang berkaitan dengan ribut, banjir dan kenaikan paras laut;
4. Pembangunan infrastruktur, perkhidmatan dan utiliti di tapak hendaklah mengekalkan fungsi mereka dan mencapai prestasi yang diinginkan;
5. Mengekalkan pantai awam sedia ada, akses ke persisiran laut dan kemudahan tepi laut,
6. Menerapkan pertimbangan reka bentuk sensitif tapak seperti:
    a. Mengkonfigurasi susun atur tapak pembangunan dengan meminimumkan pendedahan kepada risiko persisiran pantai seperti meletakkan bangunan-bangunan di kawasan berisiko rendah manakala ruang terbuka dan tempat letak kereta di kawasan berisiko lebih tinggi.
    b. Membina struktur bangunan sementara di kawasan berisiko
    c. Membina bangunan-bangunan di atas tiang tertakluk kepada pematuhan kepadatan minimum, rawatan pembetungan dan pelepasan kumbahan yang betul dan kesan ke atas hidraulik.
    d. Penggunaan saliran dalam bentuk terusan dan perparitan terbuka.
    e. Meletakkan perkhidmatan elektrik dan mekanikal di atas paras risiko bahaya.
    f. Menyediakan laluan pemindahan selamat semasa banjir dan ribut.

Pilihan kaedah pembangunan boleh termasuk pembangunan in-situ, pembangunan secara *retreat* (ke daratan menjauhi kawasan berisiko), pembangunan di atas terusan dan bangunan secara bertiang. (**Rajah 2.3**).

Rajah 2.3 : Pilihan Kaedah Pembangunan



Sumber : Olahan dari Kajian *National Coastal Erosion Study 2015*

2.4.2.3 GARISAN ANJAKAN PANTAI DAN PENGGUNAANNYA

Kajian NCES 2015 telah mencadangkan pindaan kepada Garispanduan JPS 1/97 dengan menetapkan anjakan-anjakan bangunan yang boleh diterima pakai oleh DRT Pekan 2035 seperti berikut :

Kawasan anjakan pantai hendaklah digunakan seperti berikut :

1. Tiada bangunan tetap dibenarkan dibina dalam kawasan anjakan pantai;
2. Satu pertiga daripada jarak anjakan atau 6 m, yang mana lebih banyak, akan dikhaskan untuk akses awam, melalui sekatan atau penyerahan tanah;
3. Akses awam yang berterusan perlu disediakan dengan akses awam ke tanah jiran atau tanah awam yang bersempadan dengan lot; dan
4. Limit anjakan pantai tidak terpakai kepada bangunan bertiang. Walau bagaimanapun, anjakan bangunan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masih terpakai.

Di mana terdapat bukit-bukit pasir di kawasan pantai, mereka harus dipelihara dalam keadaan semulajadi. Kegiatan pembangunan baru atau pembangunan semula pada pasir gumuk semulajadi ini tidak boleh dibenarkan.

Had anjakan di atas tidak bergantung sepenuhnya pada kestabilan semasa pantai atau klasifikasi risiko hakisan (kritikal, ketara atau boleh diterima). Had anjakan tersebut adalah amalan pengurusan / kejuruteraan yang baik untuk pembangunan pesisiran pantai sebagai pengiktirafan terhadap sifat dinamik proses pantai dan potensi risiko hakisan pantai yang memerlukan dana yang besar untuk mitigasi.

Keperluan anjakan minimum mungkin dikaji semula berdasarkan keadaan khusus tapak. Contoh-contoh keadaan yang memerlukan kajian seumpama adalah:

1. Di mana ia berada dalam jarak 1 km dari kawasan tepubina dengan bangunan kekal bernilai tinggi terletak di jarak yang jauh lebih rendah dari yang disyorkan
2. Sekiranya pembangunan yang dicadangkan adalah ke darat dari akses awam yang sedia ada contohnya jalan JKR atau ban pantai, kerugian atau kegagalan yang tidak dapat diterima
3. Di mana pemaju berjanji untuk menyediakan kerja perlindungan hakisan pantai berdasarkan reka bentuk yang boleh diterima oleh kerajaan
4. Di mana kawasan belakang pesisir adalah kawasan tanjung yang tahan hakisan
5. Di mana kawasan tepubina berada di tanah tinggi pada tahap melebihi lima meter di atas MSL
6. Di mana kemudahan tapak penetasan penyu diperlukan.


2.4.2.4 ANJAKAN BANGUNAN DI PANTAI BERPASIR DAN BERBAKAU

Bagi persisiran pantai semulajadi (pasir, berbatu, berlumpur, berbakau) dengan ketinggian pantai pada tanda air tinggi yang kurang daripada 5 m dari min aras laut (MSL), had anjakan pembangunan pantai dicadangkan adalah **60 m** diukur dari garis air tinggi (MHWS atau peringkat MHHW) ke garis bangunan bagi pesisiran pantai yang mengalami hakisan Kategori 1.


Had anjakan pembangunan pantai yang dicadangkan adalah 30 diukur dari MHWL (aras air pasang tertinggi) ke garisan bangunan bagi pantai yang mengalami hakisan kategori 2 serta dan 20 m bagi kawasan hakisan Kategori 3 hakisan dan pesisiran pantai yang stabil/terpelihara. Rujuk **Rajah 2.4** dan **Rajah 2.5** bagi kawasan pantai berpasir dan berbakau.

Penilaian anjakan adalah berdasarkan kepada pengiraan tiga syarat bagi suatu kadar hakisan di mana ia mempunyai 15 tahun atau tiga tempoh belanjawan, untuk mengutamakan dan menjamin dana bagi kerja perlindungan persisiran pantai. Kadar hakisan kritikal diambil di lebih daripada 4 m/tahun berdasarkan rekod data sejarah.

Rajah 2.4 : Anjakan Pembangunan Persisiran Pantai untuk Pantai Berpasir atau Berlumpur



Rajah 2.5 : Anjakan Pembangunan Persisiran Pantai untuk Pantai Berbakau




Sumber : Kajian *National Coastal Erosion Study 2015*

2.4.2.5 ANJAKAN BANGUNAN DI PANTAI BERBATU

Untuk kawasan pantai yang berbatu secara semulajadi dengan ketinggian aras tertinggi batu melebihi 5m dari MSL, anjakan bangunan ialah 20m dari tebingan batu ke daratan menghala ke garisan bangunan. Rujuk **Rajah 2.6**.

Rajah 2.6 : Anjakan Pembangunan Persisiran Pantai untuk Pantai Berbatu




Sumber : Kajian *National Coastal Erosion Study 2015*

2.4.2.6 ANJAKAN BANGUNAN DI PANTAI YANG SUDAH DITAMBAK DENGAN STRUKTUR KEJURUTERAAN PANTAI

Untuk kawasan pantai yang sudah ditambak di bahagian persisiran pantai, struktur kejuruteraan pantai, mesti disediakan. Anjakan bangunan ialah 20m dari struktur kejuruteraan menghala ke daratan ke arah garisan bangunan. Rekabentuk struktur kejuruteraan pantai perlu diluluskan terlebih dahulu oleh JPS sebelum ia dibina. Rujuk **Rajah 2.7.**

Rajah 2.7 : Anjakan Pembangunan untuk Pantai yang telah ditambak



Sumber : Kajian *National Coastal Erosion Study 2015*

2.4.2.7 ANJAKAN BANGUNAN DI KAWASAN MUARA SUNGAI

Untuk kawasan muara sungai, limit anjakan kawasan pantai semulajadi adalah terpakai sehingga 1 kilometer ke dalam kawasan muara sungai. Rujuk **Rajah 2.8**.

Rajah 2.8 : Limit Anjakan Persisiran Pantai sehingga 1 kilometer ke dalam kawasan Muara Sungai



Sumber : Kajian *National Coastal Erosion Study 2015*

2.4.2.8 SEKATAN TANAH DAN PEMINDAHAN HAK PEMBANGUNAN (*TRANSFER OF DEVELOPMENT RIGHTS*-TDR)

Sekatan tanah dan pemindahan hak pembangunan (TDR) boleh dikenakan bagi pembangunan tanah-tanah di persisiran pantai di zon yang berisiko bencana pantai tertakluk kepada kajian terperinci (misalnya Kajian Rancangan Kawasan Khas). Antara sekatan yang sesuai untuk diterima pakai di dalam zon bahaya persisiran pantai ialah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8 : Peringkat Tanah dan Sekatan

Peringkat Tanah	Sekatan
Pemberimilikan dan penetapan syarat tanah	1. Pemberimilikan tanah di dalam zon berisiko pantai hendaklah dalam tempoh pajakan yang tidak terlalu lama, contohnya selama 30 tahun tertakluk kepada PBN 2. Memasukkan sekatan (*easement)* ke atas tanah berimilik dalam zon risiko bahaya;
Pembangunan tanah yang telah diberimilik	1. Memberikan peluang kepada pemilik tanah untuk memindahkan hak pembangunan tanah mereka yang terletak di zon berisiko ke kawasan lain di luar dari zon risiko pantai dan dalam jarak lebih dari 1 kilometer dari garisan pantai. 2. Hak pembangunan tanah (TDR) apabila dipindahkan ke kawasan baru di luar kawasan berisiko hendaklah sepadan dan melengkapkan ciri pembangunan sedia ada; 3. Tanah kawasan baru di luar kawasan berisiko (*TDR penerima)* untuk menerima hak pembangunan tanah (TDR) dan tanah yang mana hak pembangunan itu datang (*TDR pemberi*) hendaklah di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang sama;
Pengambilan balik	1. Pengambilan tanah bagi kawasan yang memerlukan kerja perlindungan pantai serta-merta; 2. Pemilik tanah boleh memohon mendapatkan penggantian tanah lain dari Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat tanah baru yang diganti adalah dengan ciri-ciri yang sama.